

PENDIDIKAN AKIDAH ASAS PEMBINAAN TAMADUN ISLAM DI MALAYSIA

Khairi Jalalluddin & Khadijah Abdul Razak
Fakulti Pendidikan, UKM

Abstrak

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti pendidikan akidah yang sesuai dengan asas pembinaan tamadun Islam di Malaysia. Selain itu, untuk mengenal pasti punca perpecahan fahaman akidah pada zaman dahulu dan masa kini, serta mengkaji kesesuaian aliran mazhab dalam akidah di Malaysia. Kajian ini merupakan kajian kepustakaan dengan merujuk kepada bahan-bahan penulisan seperti buku-buku ilmiah, artikel jurnal dan sumber internet yang berkaitan dengan tajuk. Dapatan kajian menunjukkan bahawa pemikiran *Ahlu sunnah wal jamaah* mengikut mazhab *Asyairah* adalah paling sesuai dan praktikal untuk diteruskan dalam sistem pendidikan Islam di Malaysia. Ia juga dapat menjadi benteng dalaman bagi setiap insan muslim dalam menghadapi cabaran era globalisasi dan liberalisasi pada masa kini dan akan datang dalam usaha membina ketamaduan ummah yang mapan.

Kata kunci: *Pendidikan, Akidah, Tamadun, Islam*

Pengenalan

Akidah merupakan hal yang berkaitan dengan ketuhanan dan menjadi asas utama kepada pembinaan dan kemajuan tamadun Islam. Ini kerana ia merupakan ikatan kerohanian antara umat Islam yang melangkaui kepelbagaian kaum dan bangsa. Implikasi daripada ikatan dan kesatuan akidah ini, akhirnya umat Islam telah dihormati dan pengaruh Islam telah tersebar ke seluruh pelusuk dunia. Ruaidi, Tajulazhar, Maimun Aqsha & Isa (2014), menyatakan penanaman konsep ketuhanan dalam diri seseorang dan masyarakat mampu melahirkan tamadun yang gemilang mencakupi pelbagai aspek kehidupan.

Malangnya pada masa kini, umat Islam di serata dunia telah berpecah-belah akibat daripada pelbagai fahaman dan aliran dalam Islam. Fahaman yang pelbagai ini telah lama menular ke negara kita akibat daripada pelbagai faktor, antara penyumbang utamanya ialah penyebaran pelbagai fahaman daripada pelajar Malaysia yang belajar di luar negara khususnya dari Timur Tengah (Zakaria Stapa, 2018)

Selain itu, perbalahan antara tokoh agamawan di Malaysia berkaitan isu akidah seperti isu “Allah bertempat atau tidak” telah didebatkan secara terbuka, bahkan disebarikan melalui media sosial khususnya *youtube*. Hal ini tidak membantu mempercepatkan proses pembinaan ketamadunan Islam, sebaliknya menjadikan isu akidah punca perbalahan serta menimbulkan kebencian dan kekeliruan antara umat Islam. Menurut Adam (2016) masyarakat Islam dilihat cuba memperbesarkan jurang perbezaan antara *salafi* dan *khalafi* dengan menonjolkan perbezaan metodologi mereka, yang hakikatnya kedua-dua aliran tersebut masih lagi dalam ruang lingkup *Ahlu sunnah wal jamaah*.

Justeru, kajian ini akan cuba mengenalpasti punca permasalahan akidah di masa dahulu. Apakah punca permasalahan akidah masa kini? dan aliran manakah yang bersesuaian dengan pengajaran dan pembelajaran akidah dalam sistem pendidikan di Malaysia?. Kajian ini juga merupakan kajian berbentuk kepustakaan dengan menganalisis dan mensintesis pandangan sarjana dalam artikel jurnal, buku-buku dan sumber internet bagi menjawab persoalan yang diketengahkan.

Permasalahan Akidah Pada Masa Dahulu

Terdapat dua faktor permasalahan akidah masa dahulu iaitu faktor dalaman dan luaran. Pertama faktor dalaman: Di zaman pemerintahan Khalifah Usman dan Khalifah Ali (20-40H/664-661M) telah berlaku perpecahan politik yang diakhiri dengan pembunuhan mereka berdua (Dusuki, 1980; Tamim, 2014; Kolej Dar al-Hikmah, 2015). Kewujudan dua golongan Syiah dan Khawarij hasil daripada perbalahan politik ini menghasilkan fahaman-fahaman lain seperti *Jabariah (Jahmiah)*, *Qadariah* dan Muktazilah. Umat Islam diketika ini berhadapan dengan takwilan al-Quran dan periwayatan hadis palsu yang digunakan untuk menyokong fahaman masing-masing. Di zaman Bani Umaiyah, persoalan dan perbincangan isu akidah semakin melebar akibat daripada beberapa faktor seperti fahaman akidah sebelum ini, keluasan empayar dan unsur-unsur agama lama dalam diri penganut Islam yang baharu memeluk Islam, contoh perdebatan berkaitan akidah seperti isu *qada'* dan *qadar*. Menurut Khairunnas & Wan Muhammad Fariq (2013), perbalahan yang berlaku dalam isu *qada'* dan *qadar* ini, telah membawa kepada perpecahan umat Islam akibat daripada isu lain yang timbul daripadanya seperti isu kafir mengkafir, sesat dan menyesatkan antara satu sama lain.

Kedua faktor luaran: Di zaman Bani Abbasiyah(120-350H/737-961M) permasalahan akidah tercetus rentetan daripada proses permindahan ilmu dari luar Tanah Arab. Hal ini telah berlaku dengan begitu pantas akibat daripada terjemahan ilmu asing ke dalam bahasa Arab. Para penterjemah dari golongan Yahudi, Kristian dan Parsi menyebarkan fahaman mereka melalui falsafah yang akhirnya terdapat perbezaan fahaman dalam ilmu akidah dan lahirnya ilmu Kalam .(Kolej Dar al-Hikmah, 2015).


Selepas zaman Bani Abbasiyah, golongan *Asyairah* yang dipelopori oleh Abu Hasan al-Asy'ari telah berkembang pesat. Beliau yang membawa aliran *Ahlus sunnah wal jamaah* telah menentang fahaman Muktazilah. Aliran ini disokong dengan perubahan metodologi oleh tokoh-tokoh ulama *Asyairah* seperti al-Baghdadi, al-Juwaini, Imam al-Ghazali dan Al-Razi, manakala dari kalangan ahli falsafah seperti Ibn Sina dan al-Farabi (Wan Zailan, 1994).

Pada awal abad ke-7/8H telah muncul seorang ulama yang terkenal bernama Ibnu Taimiyah (661-728H/1263-1328M) telah menentang ilmu kalam dan falsafah yang melampau dalam mempertahankan akidah Islam. Beliau juga menentang golongan *Asyairah*, golongan *Sufiyah (Tarekat)* dan mereka yang *taklid* buta. Setelah itu, muncul gerakan yang dinamakan sebagai *Salafiyah-Wahabiyah* yang dipelopori oleh Muhammad bin Abd Wahab (1115-1206H/1703-1791M) dalam kurun ke 11/12H yang menghidupkan semula fahaman Ibn Taimiyah. Beliau telah berusaha untuk memurnikan akidah dan menghapuskan amalan syirik dan bid'ah di seluruh pelusuk semenanjung Tanah Arab. (Muhammad Faisal, 2010)

Oleh itu, dapat disimpulkan bahawa punca perpecahan akidah pada masa dahulu ialah akibat daripada perebutan kuasa politik dan sikap *assobiyyah* terhadap kumpulan masing-masing. Selain itu, kemunculan golongan *Asyairah, Salafiah Wahabiah, Syiah, Sufi, Khawarij, Jahmiah dan Qadariah* menyebabkan umat Islam bertelagah dalam hal berkaitan cabang akidah (*furu' akidah*). Dari sudut lain, perpecahan juga berpunca daripada kemasukan falsafah asing akibat daripada terjemahan ilmu oleh penterjemah Yahudi, Kristian dan Parsi ke dalam bahasa Arab. Nor Asiah, Mohd Othman & Hafizah (2017) menukilkan bahawa Syed Muhammad Naquib al-Attas berpendapat ilmu itu tidak bebas nilai atau neutral, tetapi sarat dengan nilai. Ini bermakna unsur fahaman dan ideologi penterjemah itu turut mempengaruhi ilmu yang diterjemahkan.

Permasalahan Akidah Pada Masa Kini

Faktor dalaman permasalahan akidah masa kini yang telah sedia ada di peringkat antarabangsa ialah pertentangan antara fahaman Syiah dan Sunni. Iran merupakan negara yang mempunyai peratusan tertinggi penganut Syiah (89-94%), manakala Arab Saudi pula mempunyai peratusan tertinggi penganut Sunni (85-90%). Negara-negara lain seperti Iraq, Kuwait, Lubnan, Yaman, Bahrain dan Pakistan mempunyai penganut Syiah dengan peratusan yang melebihi 20%, manakala di Syria walaupun penganut Syiah hanya 13% berbanding Sunni 74% kebanyakan pemimpin negara tersebut mengganut fahaman Syiah. Justeru, tidak hairanlah pertelingkahan yang tidak berkesudahan masih berlaku di Syria sehingga kini. Peta geopolitik di bawah ini menunjukkan peratusan penganut Syiah di rantau Timur Tengah.



Sumber: <https://www.zerohedge.com/news/2016-01-04/just-became-most-important-map-geopolitics>

Terdapat beberapa usaha untuk memurnikan hubungan antara Sunni dan Syiah di peringkat antarabangsa khususnya mencari titik persamaan antara dua fahaman tersebut (Ali Muhtaram, 2015), namun fahaman ini di Malaysia telah difatwakan sesat termasuk ajaran *Syiah Zaidiyah* dan *Syiah Ja'afariyah* (JAKIM, 2015). Fahaman Syiah ditolak untuk diamalkan di Malaysia kerana ia boleh menggugat keharmonian dan keselamatan negara (A.Halim, Zarina, Nor Azizan, 2018). Walau bagaimanapun perkembangan terkini golongan Syiah semakin bergerak ke hadapan dengan menubuhkan Majlis Syiah Malaysia, dan tanpa *taqiyah* mereka dengan berani telah menghantar memorandum terbuka kepada DYMM Yang DiPertuan Agong (Zakaria Stapa, 2018).

Selain itu, terdapat perdebatan hebat berkaitan dengan fahaman al-Ahbash atau Pertubuhan Kebajikan Islam yang berpusat di Lubnan sekitar tahun 2008 di Malaysia (Sulaiman, 2008). Fatwa negeri Perlis tahun 2016 memutuskan bahawa golongan al-Ahbash ini adalah sesat, namun tidak diwartakan. Menurut Badlihisham, Othman Talib dan Sulaiman (2013) gerakan al-Ahbash mungkin menimbulkan kekeliruan, kontroversi dan menimbulkan fitnah khususnya dalam isu *takfir*, walaupun dalam sudut yang lain dilihat sebagai mengukuhkan aliran *Ahlus sunnah wal jamaah*.

Manakala, aliran Salafi-Wahabi di Malaysia tidak difatwakan sesat tetapi menurut Abdul Syukor (2015) fahaman ini tidak sesuai diamalkan di negara ini. Di Negeri Sembilan Majlis Fatwa telah mengharamkan penyebaran fahaman Wahabi di negeri tersebut (Mohd Yusof, 2015).

Di bawah ini adalah jadual berkaitan perbezaan dan persamaan antara golongan Salafi-Wahabi dengan al-Ahbash dalam isu Allah wujud tidak bertempat atau Allah berada di atas Arash/langit yang menjadi perdebatan sehingga masa kini.

Bil	Aliran/Kumpulan	Metodologi	Tujuan
1.	Salafi-Wahabi	<i>itsbat</i> dan <i>tanzih</i>	Mentanzihkan/Mensucikan Allah daripada sifat kekurangan
2.	al-Ahbash	<i>ta'wil</i> dan <i>tafwid</i>	Mentanzihkan/Mensucikan Allah daripada sifat kekurangan

Berdasarkan jadual ini, sewajarnya setiap kumpulan berlapang dada dengan perbezaan metodologi atau *wasilah*. Ini kerana setiap kumpulan mempunyai hujah masing-masing dan perkara yang lebih penting ialah tujuan mempelajari ilmu akidah ialah untuk *mentanzih* atau menyucikan Allah swt daripada sifat kekurangan. Ia bukan bertujuan untuk mengkafir sesama Islam dengan melabelkan pihak lawan dengan akidah *Yahudiah* sebagaimana kumpulan al-Ahbash (Jamil Halim, 2016). Menurut Badlihisham et. al. (2013) gerakan al-Ahbash bukan merupakan rujukan utama bagi majoriti umat Islam di Malaysia. Walau bagaimanapun, metodologi *ta'wil* dan *tafwid* telah digunapakai oleh golongan *Asyairah* yang merupakan aliran dalam mazhab *Ahlus sunnah wal jamaah di Malaysia*, namun ia bukan bertujuan untuk mengkafirkan mereka yang berbeza pendekatan dalam permasalahan akidah.

Faktor luaran permasalahan akidah masa kini pula ialah berkaitan dengan kemasukan fahaman-fahaman Barat. Setelah keruntuhan Kerajaan Abbasiyah akibat serangan tentera Tatar

dan kemudiannya Kejatuhan Kerajaan Uthmaniyah di Turki di zaman Sultan Abdul Hamid. Penjajahan Barat terhadap negara umat Islam telah berlaku selepas Perang Dunia Pertama. Barat telah memperkenalkan fahaman baharu seperti liberalisme, evolusionisme, sosiolisme, pragmatisme, nasionalisme dan sebagainya (Mohd Kamil, 1996).

Mohd Aizam (2012) pula mengatakan ideologi Barat masa kini seperti sekularisme, kapitalisme, humanisme, hedonisme yang membawa kesan negatif kepada iman dan akidah umat Islam. Kesemua ini adalah masalah yang datang dari Barat akibat tindak balas kongkongan fahaman agama dan feudalisme pada abad ke 18 M (Mahamad Naser, 2012). Malangnya fahaman tersebut yang sepatutnya diselesaikan di Barat telah dibawa ke negara-negara Islam sama ada secara langsung atau tidak langsung khususnya ke negara Malaysia.

Menurut W Mohd Azam (2018), umat Islam masa kini berhadapan dengan cabaran semasa daripada Barat dengan sebahagiannya pada asalnya pemikiran silam yang dinamakan semula dalam bentuk baharu. Isu-isu dalam era moden dan pasca modenisme seperti seperti *human rights* feminisme dan pluralisme agama yang mendakwa semua agama adalah benar merupakan cabaran besar terhadap akidah umat Islam.

Begitu juga cabaran Islam Liberal yang sedang melanda umat Islam di nusantara. W Ismail, Mohd Nasir, Ahmad Syukran & Mohd Ismail (2015), menyatakan walaupun Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia telah memutuskan faham ini menyeleweng pada tahun 2006, ia sebenarnya masih menjadi satu ancaman dan cabaran kepada umat Islam di Malaysia. Walau bagaimanapun kajian kes telah dilakukan di sebuah sekolah menengah kebangsaan mendapati pengaruh elemen Islam Liberal berada di tahap yang rendah. Sungguhpun pun begitu dapatan jelas membuktikan kewujudan pengaruh fahaman ini di sekolah tersebut. (Muhamad Faiz, Ab. Halim & Kamarul Azmi, 2012)

Kesimpulannya, punca perpecahan fahaman akidah masa kini di negara-negara Islam adalah disebabkan percanggahan aliran pemikiran Sunni dan Syiah. Dalam masa yang sama perpecahan di kalangan golongan Sunni telah mewujudkan kumpulan *Asyairah*, *al-Ahbash*, *Salafiyah* - *Wahabiyah* dan sebagainya. Selain itu, perpecahan pemikiran Islam juga datang dari pengaruh fahaman dan ideologi Barat seperti *human rights*, feminisme, liberalisasi agama, pluralisme agama dan seterusnya membawa kepada fahaman Islam Liberal di kalangan umat Islam.

Pendidikan Akidah Dalam Sistem Pendidikan Malaysia

Berdasarkan perbincangan punca permasalahan masa dahulu dan masa kini, sewajarnya kurikulum dan hala tuju pendidikan akidah dikenalpasti apakah alirannya. Ini bertujuan untuk memastikan perkara negatif yang berlaku di negara lain khususnya di Timur Tengah tidak berlaku di Malaysia yang mengamalkan akidah *Ahlus sunnah wal jamaah* mengikut mazhab *Asyairah* sejak sekian lama. Maszlee (2013) menyatakan bahawa teologi *Asyairah* merupakan yang paling lama dan dominan di rantau ini, sebelum kehadiran kaum muda pada akhir abad ke 19 M dan awal abad ke 20 M.

“Ever since the beginning of the Sultanate, which was for most of its history ruled from Malacca, the As’ari theology has been dominating theological discourse of Muslims in the region. This mainly due to the influence of Sufi traders and scholars, who are generally considered to be responsible for the expansion of Islam over such a large territory. The people were mostly followers of the As’ari theology”.

Adam (2016) menyatakan pendakwah yang datang ke Tanah Melayu merupakan pedagang dari Yaman yang berakidah *Ahlus sunnah wal jamaah*. Justeru, kurikulum pendidikan akidah di Malaysia sama ada pendidikan secara formal atau tidak formal banyak dipengaruhi oleh latar belakang sejarah ini.

Pendidikan formal di Malaysia boleh dibahagikan kepada tiga peringkat iaitu peringkat rendah, peringkat menengah dan peringkat pengajian tinggi. Di peringkat rendah iaitu pra sekolah dan sekolah kebangsaan, Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP), Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) Pendidikan Islam merupakan rujukan utama para pendidik. Dokumen ini sedang dalam proses semakan yang bermula dengan Tahun Satu pada tahun 2017 (Pekeliling Kementerian Pendidikan Bil 8, 2016). Merujuk kepada perbahasan dalam bidang akidah dalam mata pelajaran pendidikan Islam ini, kebanyakannya berkisar tentang rukun Islam, rukun Iman dan perbahasan sifat 20 mengikut akidah *Ahlus sunnah wal jamaah* dalam mazhab *Asyairah dan Maturidiah*. Terdapat kritikan terhadap sifat 20 ini telah disebarikan melalui *youtube* yang boleh meresahkan pegangan majoriti umat Islam di Malaysia. Pengajaran sifat 20 ini di alam Melayu hakikatnya telah bermula dengan terjemahan kitab *Umm al-Barahin* ke dalam bahasa Melayu oleh Daud al-Fatani dan selainnya pada abad ke 18 M. Kitab karangan Imam al-Sanusi ini bertujuan untuk menjernihkan kesamaran akibat percampuran akidah dengan ilmu falsafah sebelum ini (Masakaree Ardae@Nik Muhammad Syukri, 2014).

Di peringkat menengah pula, dapatan menunjukkan bahawa sebelum Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP), Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) diperkenalkan, mata pelajaran teras ini menggunakan Huraian Sukatan Pelajaran (HSP), Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) Tingkatan Satu yang mana terdapat akidah *Tauhid Uluhiyah* dan *Tauhid Rububiyah* dalam bidang akidah bagi mata pendidikan Islam. Setelah DSKP KSSM Pendidikan Islam Tingkatan Satu dilaksanakan pada tahun 2017 (Pekeliling Kementerian Pendidikan Bil 9, 2016), pembahagian tauhid ini telah ditiadakan. Begitu juga tiada pembahagian tauhid ini di dalam DSKP bagi Kurikulum Bersepadu Dini (KBD) mata pelajaran Usuluddin di Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK) yang telah bermula pada tahun 2015. Namun, masih terdapat dalam HSP dan buku teks Tasawwur Islam Tingkatan Empat berkaitan *Tauhid Uluhiyah*, *Tauhid Rububiyah* dan *Tauhid Asma’ wa Sifat* (Ramlan & Nor Aishah, 2002). Berkemungkinan topik tersebut akan disemak semula pada tahun 2020. Walau bagaimanapun, Zakaria Stapa (2018) telah menyatakan bahawa konsep Tauhid Tiga iaitu Tauhid Uluhiyah, Tauhid Rububiyah dan Asma’ wa Sifat ini merupakan pegangan golongan Salafi-Wahabi. Menurut Zamihan (2018), pembahagian Tauhid kepada tiga ini merupakan pemikiran Ibnu Taimiyah secara berseorangan pada zamannya, kemudian diikuti oleh golongan Salafi-Wahabi.

Di peringkat pengajian tinggi, Institut Perguruan Guru (IPG), telah menggunakan buku rujukan Pendidikan Islam Teras. Di dalam topik akidah, perbincangan berkaitan Tauhid Sifat 20, syahadah, rukun Iman dan sebagainya adalah menepati akidah *Ahlus sunnah wal jamaah* dalam mazhab *Asyairah dan Maturidiah* (Ku Muhammad & Nur Aida, 2017), manakala di Universiti

Awam (UA) terdapat kajian yang telah dilakukan oleh Engku Ahmad Zaki (2018) yang meneliti dan menganalisis subjek pengajian akidah di lima buah universiti di peringkat sarjana muda.

Bil	Universiti	Kursus
1	Pusat Pengajian Usuluddin FKI , UniSZA	Mabahith Ilahiyyah, Mabahith al-Nubuwwah wa al-Kawniyyat, Mabahith al-Sam'iyat, Dirasah al-Aqidah al-Nassiyyah
2	Fakulti Pengajian Islam UKM	Akidah Islam, Kajian Teks Usuluddin dan Falsafah, Kajian Ahli Sunnah wa al-Jamaah, kajian Teks Akidah dan Tasawuf, Kajian Rohaniyyat dan Samiyyat, Pemikiran Akidah dan Tasawuf Nusantara
3	Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam APIUM	Al-Aqa'id al-Islamiyyah, Aliran Pemikiran Akidah, Akidah dan Pembangunan Modal Insan, Isu Akidah Semasa, Kajian Manuskrip Akidah dan pemikiran Islam, Nusus al-Aqaid
4	Jabatan Usuluddin dan Perbandingan Agama, UIAM	Islamic Aqidah dan Usuluddin
5	Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan USIM	Akidah Islam, Ilahiyyat wa Nubuwwat, Sam'iyat wa Imamah, Teks-teks Akidah

Menurut Engku Ahmad Zaki (2018) kesemua jabatan dan pusat pengajian ini telah menawarkan kandungan perbincangan akidah yang mencakupi keseluruhan topik dalam karya-karya Islam. Namun beliau mencadangkan agar silibus menekankan kepada peranan dan kesan akidah dalam bidang-bidang kehidupan manusia khususnya untuk mendepani isu-isu semasa akidah dan keruntuhan akhlak masa kini.

Kesimpulannya, pendidikan akidah dalam sistem pendidikan Malaysia berasaskan aliran *Ahlu sunnah wal jamaah* dalam mazhab *Asyairah* khususnya di peringkat pra sekolah, rendah dan menengah. Namun, di peringkat universiti memerlukan kajian terperinci berkaitan dengan pegangan akidah ini pada masa kini. Ini kerana, universiti bersifat terbuka dan perbahasan isu akidah selain akidah *Ahlu sunnah wal jamaah* hanyalah bertujuan untuk perbandingan aliran mazhab dan bersifat akademik.

Rumusan Dan Cadangan

1. Umat Islam khususnya pendakwah dan pendidik sewajarnya cakna dan mengenalpasti punca perpecahan aliran akidah di zaman dahulu dan masa kini. Faktor perpecahan dalaman seperti Syiah dan Sunni, *Wahabi* dan *Asyairah* begitu juga faktor luaran seperti falsafah dan propaganda Barat sewajarnya diambil kira dalam berdakwah khususnya dalam memperkasakan akidah dan ketamadunan Islam di Malaysia.
2. Aliran utama akidah di Malaysia adalah aliran *Asyairah* yang merupakan mazhab *Ahlu sunnah wal jamaah*. Sewajarnya aliran utama ini dihormati dan diperkasakan supaya tidak melambatkan proses ketamadunan Islam di Malaysia. Jika perbezaan yang ditunjukkan dalam setiap perbahasan isu akidah antara Salafi-Wahabi dan *Asyairah* khususnya di peringkat orang awam, ia akan menyebabkan perpecahan dan kebencian antara umat Islam. Justeru, terdapat beberapa sekatan pihak berkuasa agama khususnya di negeri-negeri untuk menjamin kesepaduan majoriti umat Islam. (Ezad, Mohd Al-Adib, Salmy, Noor Aziah, Izhar Ariff & Mohamad Zulfazdlee, 2011)

3. Perbalahan akidah seperti dalam isu metodologi *isbat ma'a tanzih* salafi-wahabi dan *takwil wa tafwid Asyairah* dalam ayat-ayat *mutasyabihat* juga haruslah dikurangkan perbincangannya secara terbuka bagi mengelakkan kekeliruan orang awam, kerana kedua-dua metodologi tersebut bertujuan sama iaitu untuk *mentanzihkan* atau menyucikan Allah s.w.t daripada sifat kekurangan. Jauh sekali digunakan untuk mengkafirkan umat Islam kerana dianggap *mujassimah* atau *mua'tilah*.
4. Dr Amran (2018), mencadangkan bahawa ilmu kalam hendaklah dikategorikan kepada tiga peringkat. Pertama, kalam publik iaitu kategori syarah atas matan *Akidah Awam* sebagai kalam untuk orang awam. Ini rentetan kesan media sosial hari ini yang tidak membatasi orang awam dan para sarjana. Kedua, kalam strategik iaitu kategori kalam *al-Minhal Wa Nihal/ al-Farqu Bayna Firqah* sebagai kalam untuk dasar dan ruang awam. Ia bertujuan untuk berdepan dengan pelbagai aliran mazhab sesama Islam dan juga bukan Islam. Ketiga, kalam analitik iaitu kategori syarah, *hasyiah* dan *ta'liqat* atas syarah sebagai kalam untuk IPT Awam. Ia bertujuan untuk membicarakan perkara ilmiah di peringkat tertinggi bagi menyumbang ilmu-ilmu baru yang akhirnya menuju ke arah sains tawhidik bagi manfaat umat Islam dalam membina ketamadunan Islam yang mampan di Malaysia.
5. Kurikulum pendidikan akidah khususnya di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia masih menepati akidah *Ahlu sunnah wal jamaah* dalam mazhab *Asyairah* berdasarkan kepada keseluruhan silibus yang digunapakai dan dilaksanakan dalam pengajaran dan pembelajaran. Namun berapa ramai tenaga pengajar di pelbagai peringkat institusi pengajian mengetahui dan mendalami mazhab *Ayairah* ini?. Justeru, dicadangkan satu kajian lanjutan berkaitan hal ini untuk melihat tahap pengetahuan pendidik yang berlatar belakang pengajian Islam di sekolah dan di universiti.
6. Dalam membicarakan tentang akidah *Ahlu sunnah wal jamaah*, perbahasannya bukan berlegar berkaitan teori semata-mata, bukan juga hanya menekankan kepada hafazan dalil-dalil naqli dan akli sahaja, tetapi apa yang lebih penting daripada itu ialah menekankan kepada *maqasid* akidah iaitu tujuan-tujuan mempelajari ilmu akidah seperti mengenal Allah swt dengan maksud mengetahui apa yang disukai dan dibenci oleh Allah swt. (Mohd Radhi, 2017)
7. Berdasar kepada perkembangan media sosial pada masa kini. Perbincangan isu akidah boleh didapati di mana-mana sahaja kita berada tanpa memerlukan pengajarnya memiliki tauliah. Maka dicadangkan pengukuhan pendidikan akidah *Ahlu sunnah wal jamaah* di Malaysia khususnya selain pendidikan secara formal, hendaklah juga dilaksanakan dengan kerjasama pelbagai pihak antaranya Majlis Usuluddin Malaysia (MUM), Islamic & Startegic Studies Institute (ISSI), Yayasan Usuluddin, Institut Ahli Sunnah Wal Jamaah, Majlis Dakwah Negara (MDN), Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (YADIM), Majlis Agama Islam Negeri, Jabatan Agama Islam Negeri, JAKIM dan semua organisasi Islam yang berwibawa. Hal ini untuk mengelakkan kekeliruan umat Islam di Malaysia.

Rujukan

- Adam Badhrulhisham.2016. Ahli Sunnah Wal Jamaah Dan Pemakaiannya Di Malaysia: Isu Dan Cabaran. *Jurnal Ulwan*. 1: 128-149
- Ali Muhtarom.2015. Titik Temu Sunni- Syiah. *Jurnal Saintafika Islamica 2 (2): 61-72*
- A.Halim Daud, Zarina Othman & Nor Azizan Idris. 2018. Fahaman Syiah Dan Keharmonian Agama Islam Di Malaysia: Perspektif Pendekatan Keselamatan Negara. *Journal Of Social Sciences and Humanities*. 13 (3): 001-019
- Amran Muhammad. 2018. Peranan Kalam Analitik Sebagai Falsafah Sains Dalam Kritik Dan Sintesis Sains Islam Dan Sains Semasa. *Prosiding Ilmuan Usuluddin Di Malaysia Di UKM pada 17 Disember 2018*. ms: 43-58
- Badlihisham Mohd Nasir, Othman Talib & Sulaiman Ibrahim. 2013. The Rise Of al-Ahbash Movemnet And Its Impact In Malaysia. *Jurnal Hadhari*. 5 (2): 123-135
- Dusuki Ahmad. 1980. *Ikhtisar Perkembangan Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka. Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Engku Ahmad Zaki Engku Alwi. 2018. Penilaian Terhadap Kurikulum Pengajian Usuluddin Di Universiti-Universiti Tempatan Di Malaysia. *Prosiding Ilmuan Usuluddin Di Malaysia Di UKM Pada 17 Disember 2018*. ms: 59-80
- Jamil Halim.2016. *Mu'jam Ahli Al-Iman Fi Tanzih Allah An al-Jismiah Wa Al-Kaifiah Wa Al-Makan*. Beirut: Syarikat Darul Masyari'. jld: 4, ms:1346
- JAKIM.2015. Kompilasi Pandangan Hukum Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia. Putrajaya: Bahagian Pengurusan Fatwa Kementerian Pendidikan Malaysia. 2017.
- Ku Muhamad Asmadi Ku Mohd Saad. 2017. *Pendidikan Islam Teras*. Jabatan Pendidikan Islam dan Moral, Institut Pendidikan Guru, Kampus Pendidikan Islam. Bangi
- Muhamad Faiz Ismail, Ab. Halim & Kamarul Azmi.2012. Pengaruh Elemen Islam Liberal Terhadap Akidah Pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan: Satu Tinjaun Awal. *International Conference On Research In Islamic And Arabic Language Education 2012 In Saudi Arabia On 1-2 June 2012*.
- Mahamad Naser.2012. Hak Asasi & Kebebasan Diri Perspektif Syara' Dan Humanisme: Satu Analisis Perbandingan. *Seminar Pemikiran Liberalisme & Pragmatisme anjuran JAIS di INTEKMA, Shah Alam 28 Jun 2012*
- Maszlee Malik.2013. Theology In Malaysia: Between The Mainstream And The Periphery. *HIKMA. Journal Of Islamic Theology And Religious Education*. 4 (6): 51-65
- Mohd Aizam Mas'od.2012. Serangan Ideologi Barat Terhadap Pemikiran Umat Islam Dan Implikasinya Kepada Iman. *Jurnal Penyelidikan Islam*. Bil. 25: 100-118
- Mohd Kamil Abd Majid.1996. Skop Sejarah Dan Pemikiran Islam. *Jurnal Usuluddin*. ms: 111-136
- Mohd Radhi Ibrahim.2017. Pengurusan Akidah Dalam Kehidupan. Bandar Baru Nilai: Penerbit USIM.
- Muhammad Faisal Ashaari. 2010. Aliran Pemikiran Salafi Di Malaysia: Sorotan Terhadap Peranan Internet Dalam Dunia Siber. *Jurnal Al-Hikmah 2: 35-49*
- Nor Asiah Ibrahim Shah, Mohd Othman Yusoff, Hafizah Kusnek@Khusni. (2017). Pendekatan Integratif Syed Muhammad Naquib al-Attas: Pelaksanaan Ke Atas Pendidikan Di Malaysia. *Persidangan Antarabangsa Pengajian Islamiyyat Kali Ke-3 (IRSYAD2017)*

- Ruaidi Mustafa, Tajulazhar Harun, Maimun Aqsa Lubis & Isa Hamzah.2014. Kesan Pemahaman Konsep Ketuhanan Terhadap Kemajuan Tamadun. *The 5th International Conference Of ASEAN Studies (UKM-POLMED)*.
- Ramlan Ahmad & Nor Aishah Raduan.2002. Buku Teks Tasawwur Islam Tingkatan 4. KBSM. ms: 1-4
- Sulaiman Ibrahim. 2008.Pertubuhan Kebajikan Islam Lebanon: Tinjauan Awal Ke Arah Pemantapan Institusi Ahl Al-Sunnah Wa Al-Jamaah Di Malaysia. *Seminar Kebangsaan Malaysia- West ASIA Relations:Prospect & Challenges Di Bilik Senat, Bangunan Canselor. UKM Pada 1-2 Disember 2008*
- Tamim Ansary. 2014. *Sejarah Dunia Dari Sudut Pandangan Islam*. Kajang: Penerbit Adiwara.
- Wan Zailan Wan Ali.1994. *Aliran Al-Asy'ari Dan Al-Asya'irah: Perkembangan, Pengaruh Dan Kesannya Dalam Dunia Islam Khususnya Di Alam Melayu*. eprints.edu.my
- W Mohd Azam Mohd Amin.2018. Menyingkap Isu-Isu Pemikiran Semasa Dalam Ilmu Usuluddin Di Malaysia: Cabaran Dan Pendirian. *Prosiding Ilmuan Usuluddin Di Malaysia Di UKM Pada 17 Disember 2018*. ms: 161-184
- W Ismail, Mohd Nasir, Ahmad Syukran & Mohd Ismail.2015. Ancaman Pemikiran Islam Liberal Kepada Umat Islam Di Nusantara. *Jurnal Sains Humanika: 5 (3): 77-85*
- Zakaria Stapa.2018. Peranan Ilmuan Usuluddin Dalam Menjayakan Perpaduan Dan Pembangunan Ummah. *Prosiding Ilmuan Usuluddin Di Malaysia Di UKM Pada 17 Disember 2018* . ms: 195-240

Sumber internet:

- Kolej Dar al-Hikmah. 2015. (<https://dokumen.tips/documents/sejarah-perkembangan-ilmu-akidah.html>)
- Abdul Syukor. 2015. <http://www.sinarharian.com.my/nasional/wahabi-tidak-sesuai-diamal-di-malaysia-1.364059>
- Mohd Yusof, 2015. <https://ikimfm.my/wahabi-bercanggah-dengan-aliran-mazhab-syafie-mufti-negeri-semilan/>
- <http://e-smaf.islam.gov.my/e-smaf/index.php/main/mainv1/fatwa/pr/11464> (Ahbash Sesat)
- <https://www.zerohedge.com/news/2016-01-04/just-became-most-important-map-geopolitics>
- <https://www.youtube.com/watch?v=UbX-SXSazQ4> (Bukti Penyelewengan Akidah Asyairah - UFMO)
- <https://www.youtube.com/watch?v=Cdwyk--U8I0&t=127s> (Allah Di Langit TANPA Bertempat – UFMO)
- DSKP/HSP dimuat turun pada 30 Mac 2019
- Pendidikan Islam Tingkatan Satu (HSP)
- <http://www.smkdatohajitalibkarim.edu.my/v1/index.php/muat-turun/category/18-pendidikan-islam>
- Pendidikan Islam Tingkatan Satu (DSKP)
- <https://sumberpendidikan.com/2017/07/18/dskp-pendidikan-islam-tingkatan-1-kssm/>
- Tasawwur Islam Tingkatan Empat (HSP)
- <http://www.smkdatohajitalibkarim.edu.my/v1/index.php/muat-turun/category/23-tasawwur-islam>
- Usuluddin Tingkatan Satu (DSKP)
- <http://jaipk.edu.my/index.php/muatturun/huraiansukatanpelajaran>